



KERAJAAN MALAYSIA

SOALAN LAZIM BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

SOALAN LAZIM PEROLEHAN KERAJAAN

PELANJUTAN TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN YANG KE-EMPAT MULAI 29 APRIL SEHINGGA 12 MEI 2020

DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 DAN AKTA POLIS 1967 AKIBAT WABAK COVID-19

Kerajaan pada 23 April 2020 telah memutuskan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 29 April 2020 sehingga 12 Mei 2020. Sehubungan itu, bagi membantu Kementerian/Agensi meneruskan pelawaan/pelaksanaan perolehan semula mengikut Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) 2020 dalam tempoh dan selepas tempoh PKP, Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah menyediakan peraturan seperti berikut:

1. PP/PK2.2 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2020 (berkuat kuasa mulai 23 April 2020); dan
2. PP/PK2.4 – Peraturan Berkaitan Lanjutan Masa (EOT) Atau Lanjutan Tempoh Kontrak (LTK) Bagi Kontrak Kerajaan Yang Terkesan Oleh Penguatkuasaan PKP (berkuat kuasa mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020)

Soalan lazim ini telah disediakan oleh pihak MoF sebagai panduan kepada semua Kementerian/Agensi dan hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa. Oleh itu, surat MoF bil. (2) dalam MOF.BPK(S)600-14/2/5 bertarikh 9 April 2020 tersebut adalah terbatal.

Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Kemaskini pada: 24 April 2020

Jam 4.00 petang

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
Kontrak Perolehan Semasa		
1.	Adakah pelaksanaan program/projek yang sedang berjalan perlu diteruskan dalam tempoh PKP?	Boleh. Bagi pelawaan/pelaksanaan perolehan Kerajaan Kementerian/Jabatan yang terkesan akibat PKP, perolehan tersebut boleh dilaksanakan semula dalam tempoh PKP mengikut Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) 2020 yang telah diluluskan.
2.	Adakah pelanjutan kontrak dan penambahan kuantiti/nilai bagi sesuatu perolehan perlu dibawa kepada Pihak Berkuasa Melulus (PBM) asal selaras dengan AP201.1?	<p>PP/PK2.4 yang berkuatkuasa pada 24 April 2020, membenarkan permohonan Lanjut Tempoh Kontrak (LTK) untuk kontrak perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding diputuskan oleh:</p> <p><u>Kontrak bernilai RM500 ribu dan ke atas</u></p> <p>(i) Pegawai Pengawal. (ii) Ketua Pengarah (hanya bagi JKR dan JPS).</p> <p><u>Kontrak bernilai di bawah RM500 ribu</u></p> <p>(i) Pegawai Pengawal. (ii) Ketua Pengarah (hanya bagi JKR dan JPS).</p> <p>Menurut AP201.1, pertimbangan dan kelulusan LTK bagi kontrak bernilai melebihi RM200 ribu hanya boleh diberi sekali sahaja. Walau bagaimanapun, pertimbangan LTK lebih dari sekali hanyalah dibenarkan bagi kontrak perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding yang terjejas dengan PKP sahaja tertakluk <u>tidak melibatkan tambahan kuantiti</u>.</p> <p>Ketetapan ini juga terpakai bagi kontrak perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding bernilai melebihi RM20 ribu sehingga RM200 ribu.</p> <p>Pertimbangan dan kelulusan LTK ini oleh PBM seperti di atas hendaklah dibuat melalui Sistem ePerolehan.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
3.	<p>Sekiranya kontrak sedia ada akan tamat pada bulan April, Mei atau Jun 2020, bagaimanakah untuk memastikan bekalan/perkhidmatan (termasuk perkhidmatan Facilities Management) yang diperlukan selepas tempoh kontrak tersebut tamat, tidak terputus?</p>	<p><u>Situasi 1: Sedang dalam proses perolehan baharu bagi menggantikan kontrak semasa</u></p> <p>Jawatankuasa Penilaian dibenarkan untuk bersidang bagi membuat penilaian program/projek yang telah diperuntukkan dan diluluskan. Walau bagaimanapun, mesyuarat tersebut hendaklah dilaksanakan berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan wabak Covid-19.</p> <p><u>Situasi 2: Proses perolehan baharu bagi menggantikan kontrak semasa belum bermula</u></p> <p>Agensi dibenarkan untuk memulakan proses perolehan dengan mewujudkan Jawatankuasa Spesifikasi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, mesyuarat jawatankuasa dalaman berkaitan perolehan adalah dibenarkan untuk bersidang semula melalui Video Conferencing melalui aplikasi Skype for Business (SfB) di bawah komponen MyGovUC untuk melaksanakan penyediaan dokumentasi.</p>
4.	<p>Keperluan Akuan Bersumpah di dalam Surat Setuju Terima (SST).</p>	<p>Bagi mana-mana SST yang dikeluarkan sebelum PKP dan syarikat sepatutnya mengembalikan SST dalam tempoh PKP, syarikat dibenarkan mengembalikan SST yang telah ditandatangani tanpa melampirkan Akuan Bersumpah Pembida Berjaya dalam tempoh PKP.</p> <p>Setelah tempoh PKP berakhir, Agensi hendaklah mengeluarkan pemakluman semula kepada syarikat agar mengemukakan dengan seberapa segera Akuan Sumpah tersebut kepada Agensi lengkap ditandatangani dan dicop oleh Pesuruhjaya Sumpah.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
5.	Berikutan pelaksanaan PKP, syarikat menghadapi masalah untuk mengemukakan bon pelaksanaan/insurans bagi melengkapkan SST.	Peraturan semasa PK4.2/perenggan 9.9.2 membenarkan Agensi untuk memberikan pengecualian bertulis untuk syarikat mengemukakan bon pelaksanaan/insurans lewat dari tempoh asal yang ditetapkan sehingga maksimum 60 hari dari tarikh tersebut. Sekiranya tempoh maksimum 60 hari tersebut telah tamat, MOF memberi kebenaran kepada agensi untuk mengecualikan syarikat mengemukakan bon pelaksanaan/ insurans selewat-lewatnya tambahan 60 hari selepas tempoh PKP berakhir. Kegagalan syarikat mengemukakan bon pelaksanaan/insurans dalam tempoh tersebut menyebabkan pesanan kontrak tidak dibuat melalui sistem eP.
Proses Bayaran		
6.	Apakah status tuntutan bayaran bagi invois yang telah diserahkan kepada agensi sebelum/semasa tempoh PKP?	Walaupun projek/program ditangguhkan pelaksanaannya, namun tuntutan bayaran bagi pembekalan/perkhidmatan/kerja yang telah disempurnakan dan lengkap invoisnya serta dikemukakan kepada agensi sebelum/semasa tempoh PKP, pembayaran boleh dibuat selaras dengan syarat kontrak.
7.	Salah satu syarat untuk membuat pembayaran adalah kontrak perjanjian dimeterai oleh kedua-dua pihak dan dimatikan setem di pejabat LHDN. Adakah pembayaran boleh dibuat dalam tempoh PKP bagi kontrak perjanjian yang belum dimatikan setem.	<p>Pembayaran boleh dilaksanakan dengan syarat kedua-dua pihak (Kerajaan dan Syarikat) telah menandatangani kontrak perjanjian tersebut walaupun setem hasil belum dimatikan.</p> <p>Bagi perolehan yang dilaksanakan melalui sistem ePerolehan, kontrak perjanjian tersebut yang telah ditandatangani kedua-dua pihak boleh dimuatnaik ke dalam sistem ePerolehan bagi tujuan pembayaran seterusnya.</p> <p>Berdasarkan kenyataan media LHDN bertarikh 2 April 2020, Kaunter Duti Setem di Pejabat Setem LHDN telah dibuka mulai 3 April 2020. Justeru, urusan mematikan setem bagi kontrak perolehan Kerajaan kini juga boleh diteruskan bagi syarikat yang berhampiran dengan Pejabat Cawangan LHDN.</p> <p>Walau bagaimanapun, bagi meminimakan pergerakan syarikat, dalam tempoh PKP ini, bayaran boleh diteruskan walaupun setem hasil belum dimatikan. Agensi hendaklah</p>

SOALAN LAZIM BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>mengeluarkan pemakluman kepada syarikat untuk mematikan setem dengan kadar segera bagi tujuan penyempurnaan dokumentasi dan difailkan sewajarnya, setelah tempoh PKP berakhir.</p> <p>Agensi hendaklah mengeluarkan pemakluman kepada syarikat untuk mematikan setem dengan kadar segera bagi tujuan penyempurnaan dokumentasi dan difailkan sewajarnya, setelah tempoh PKP berakhir.</p>
8.	<p>Bagi bekalan/Perkhidmatan (termasuk Perunding)/Kerja telah disempurnakan sebelum tarikh tamat kontrak perjanjian (sebelum atau semasa PKP), adakah Agensi boleh membayar bekalan/pekhidmatan/kerja tersebut selepas tempoh PKP berakhir?</p>	<p>Pembayaran ke atas bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah disempurnakan hendaklah disegerakan dalam tempoh PKP agar tidak menjejaskan kewangan syarikat terutamanya dari segi bayaran upah kepada pekerjaannya. Bayaran tersebut masih boleh dilaksanakan setelah tempoh PKP berakhir sekiranya masih ada baki bayaran yang belum diselesaikan sepenuhnya.</p>
Proses Pelaksanaan Perolehan Yang Telah Bermula/Baharu		
9.	<p>Bolehkah perolehan <i>hand sanitizer</i>, thermometer dan topeng muka dilaksanakan secara perolehan darurat?</p>	<p>Ya, boleh. Agensi dibenarkan untuk melaksanakan perolehan item-item tersebut melalui kaedah perolehan darurat bagi tempoh PKP ini sahaja.</p>
10.	<p>Adakah pelaksanaan perolehan darurat hanya terhad kepada tiga (3) item yang disenaraikan di atas sahaja?</p> <p>Bagaimana dengan item lain yang menjadi penting kepada agensi dalam tempoh PKP?</p>	<p>Tidak terhad kepada item-item tersebut sahaja. Selaras objektif pelaksanaan perolehan darurat, item-item lain (contohnya: sarung tangan, baju plastik dan lain-lain) yang menjadi penting dalam kejadian yang bersifat kecemasan dan/atau luar biasa dan memerlukan tindakan serta merta supaya tidak menjejaskan kepentingan awam, penyampaian perkhidmatan Kerajaan, mengekang berlakunya kerosakan berterusan dan menyekat penularan wabak dan seumpamanya boleh dilaksanakan melalui kaedah perolehan darurat.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
11.	Memandangkan stok bekalan topeng muka semakin berkurangan dan mengakibatkan peningkatan harga, adakah Agensi dibenarkan untuk membeli pada harga melebihi harga siling yang ditetapkan oleh KPDNHEP?	<p>KPDNHEP telah menetapkan lima (5) jenis topeng muka sebagai barangan harga terkawal dengan harga maksimum tertentu dan melarang kenaikan harga jenis-jenis lain secara tidak munasabah. Adalah menjadi kesalahan kepada syarikat yang menjual item tersebut melebihi harga maksimum atau menaikkan harga secara tidak munasabah dan Kerajaan boleh mengambil tindakan undang-undang sewajarnya. Sehubungan itu, agensi sewajarnya melaksanakan perolehan topeng muka tertakluk kepada harga maksimum yang telah ditetapkan oleh KPDNHEP serta munasabah. Agensi juga hendaklah melaporkan kesalahan tersebut kepada KPDNHEP agar tindakan sewajarnya boleh diambil. Sekiranya agensi masih menghadapi masalah berkaitan bekalan stok peralatan yang dikawal harga, agensi diminta untuk menghubungi NADMA yang bertanggungjawab menyelaras.</p>
12.	Apakah kaedah perolehan yang boleh digunakan sekiranya agensi berpandangan terdapat keperluan untuk melaksanakan perkhidmatan disinfeksi (<i>disinfection</i>) di premis Kerajaan bagi mengelakkan penularan COVID-19?	<p>Bagi premis Kerajaan yang mempunyai kontrak perkhidmatan pengurusan fasiliti (Facility Management - FM), agensi boleh mengarahkan syarikat terbabit untuk melaksanakan perkhidmatan disinfeksi yang diperlukan.</p> <p>Jika syarikat FM tidak berupaya untuk melaksanakan operasi tersebut, agensi boleh mengarahkan syarikat yang mengendalikan perkhidmatan pembersihan bangunan/kawasan untuk melaksanakan operasi tersebut. Kemudiannya agensi perlu menambah perkhidmatan disinfeksi di dalam skop perkhidmatan asal.</p> <p>Jika syarikat FM dan syarikat pembersihan menolak, agensi hendaklah mendapatkan perkhidmatan disinfeksi tersebut melalui tatacara perolehan biasa bagi memastikan kos munasabah ditanggung Kerajaan.</p> <p>Namun, jika terdapat warga agensi yang telah disahkan positif COVID-19 atau agensi menerima arahan daripada mana-mana badan bertauliah iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara untuk</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>menjalankan kerja-kerja disinfeksi segera, maka perkhidmatan disinfeksi boleh dilaksanakan melalui kaedah perolehan darurat bagi membendung penularan wabak tersebut.</p>
13.	<p>Adakah pembayaran bagi perkhidmatan pembasmian (disinfeksi) boleh dibuat secara berfasa kepada pihak pembekal?</p>	<p>Agensi yang mendapatkan perkhidmatan disinfeksi daripada FM atau syarikat pembersihan sedia ada melalui perjanjian tambahan boleh melaksanakan pembayaran berfasa selaras dengan terma dan syarat di bawah perjanjian sedia ada.</p> <p>Jika perkhidmatan disinfeksi dibuat dengan syarikat berasingan di bawah perolehan darurat, maka bayaran secara berfasa atau mengikut kemajuan boleh dibuat tertakluk kepada setiap tuntutan bayaran diperakukan mengikut nilai perkhidmatan setakat mana yang telah disempurnakan.</p> <p>Sebagai contoh, terdapat dua blok iaitu Blok A dan B yang memerlukan perkhidmatan disinfeksi melalui perolehan darurat. Bagi membantu pengurusan pembayaran, agensi boleh mengeluarkan dua Surat Arahan Memulakan Perkhidmatan (Lampiran B, PB 3.3) berasingan untuk Blok A dan Blok B sungguhpun kerja-kerja pembersihan disinfeksi dilakukan oleh syarikat yang sama. Setelah kerja di Blok A selesai, pembayaran boleh dibuat dahulu. Jika agensi telah mengeluarkan satu surat arahan sahaja, bayaran berfasa masih boleh dilakukan dengan syarat agensi memastikan tidak berlaku lebih bayaran iaitu menjangkau nilai komponen Blok A yang telah disempurnakan.</p>
14.	<p>Adakah agensi dibenarkan untuk membuat pelaksanaan perolehan <i>hand sanitizer</i>, termometer atau topeng bagi tempoh selepas PKP?</p>	<p>Agensi hanya dibenarkan melaksanakan perolehan darurat untuk keperluan kesihatan dan keselamatan sehingga keperluan 30 hari tambahan selepas tarikh PKP berakhir. Selepas tarikh berkenaan, perolehan tersebut hendaklah dilaksanakan menerusi kaedah perolehan semasa yang berkuat kuasa.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
15.	Bagi Institusi Latihan Awam (ILA) atau premis Kerajaan yang telah diisytiharkan sebagai Stesen Kuarantin, adakah perolehan darurat boleh dibuat untuk item-item seperti ubat, sewaan <i>water dispenser</i> atau pembekalan/perkhidmatan lain yang diperlukan?	Sekiranya ada perolehan bekalan/ perkhidmatan yang melibatkan arahan secara terus berkaitan COVID-19, agensi boleh menggunakan kaedah perolehan darurat. Agensi hendaklah mengawal pelaksanaan perolehan darurat ini berdasarkan tadbir urus terbaik.
16.	Berdasarkan tatacara perolehan darurat, Jawatankuasa Rundingan Harga (JKRH) perlu ditubuhkan dan bersidang berdasarkan tanggungjawab seperti yang digariskan dalam PB3.3/Perenggan 4.6.2. Adakah dibenarkan mesyuarat tersebut dilaksanakan secara maya iaitu melalui <i>video conference</i> ?	Agensi perlu mewujudkan JKRH bagi pelaksanaan perolehan darurat tanpa mengira had nilai perolehan. Dalam hal tersebut, agensi dibenarkan untuk melaksanakan mesyuarat secara video conference melalui aplikasi Skype for Business (SfB) di bawah MyGovUC atau melalui talian telefon. Manakala dokumen yang perlu dipersetujui kedua-dua belah pihak boleh ditandatangani dan dihantar melalui e-mel kepada pihak Agensi. Minit mesyuarat masih perlu disediakan. Agensi adalah bertanggungjawab memastikan teknologi yang digunakan adalah selamat dalam melindungi data dan maklumat Kerajaan.
17.	Apakah tindakan agensi sekiranya syarikat yang ditawarkan memohon untuk mengubah harga tawaran bagi mengambil kira faktor persekitaran ekonomi semasa atau menolak tawaran yang diberikan?	<p>Agensi tidak boleh mempertimbangkan sebarang perubahan harga tawaran bagi mengekalkan keadilan kepada petender/penyebut harga lain yang turut menyertai tender/sebut harga tersebut.</p> <p>Berdasarkan persekitaran ekonomi semasa, agensi juga tidak boleh mengambil tindakan untuk mengenakan sebarang bentuk penalti (sebagai contoh menyenarai hitam) ke atas petender/penyebut harga yang menolak keputusan perolehan yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Melulus.</p> <p>Oleh yang demikian, LP/JKSH semasa bersidang perlu mengambil maklum berkenaan kemungkinan perkara-perkara yang akan berlaku setelah keputusan dibuat dengan turut memutuskan supaya syarikat di kedudukan kedua dipilih sekiranya syarikat di kedudukan</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>pertama menolak tawaran dan demikian seterusnya.</p>
18.	<p>Adakah tempoh sah laku bagi tender dan sebut harga yang ditangguhkan boleh dilanjutkan dalam tempoh PKP?</p>	<p>Tempoh sah laku tender dan sebut harga yang masih berkuat kuasa bagi semua had nilai, boleh dilanjutkan sekiranya perlu oleh agensi setelah mendapat kelulusan Ketua Jabatan. Kelulusan pelanjutan tempoh boleh menggunakan apa jua media komunikasi yang pantas seperti e-mel dan lain-lain medium.</p> <p>Semua tender dan sebut harga bekalan dan perkhidmatan melalui sistem ePerolehan (eP) yang akan tamat tempoh sah laku mulai 11 April 2020 hingga 30 April 2020, tempoh sah laku tender dan sebut harga tersebut akan dilanjutkan selama 60 hari secara automatik. Manakala bagi semua tender dan sebut harga kerja, agensi boleh melanjutkan tempoh sah laku selama 60 hari atau satu tempoh yang munasabah.</p>
19.	<p>Adakah tempoh sah laku untuk tender pra kelayakan turut boleh dilanjutkan memandangkan peraturan telah menetapkan tempoh sah laku adalah tidak boleh melebihi 120 hari?</p>	<p>Boleh dilanjutkan oleh urus setia perolehan atau ketua jabatan menggunakan apa jua media komunikasi yang pantas seperti e-mel dan lain-lain medium. Tempoh atau tarikh akhir sah laku boleh ditentukan oleh agensi berdasarkan kesesuaian yang munasabah.</p>
20.	<p>Bagaimana kedudukan bagi tender/sebut harga yang telah dipelawa tetapi tarikh tutupnya dalam tempoh PKP?</p>	<p>Tarikh tutup iklan boleh dilanjutkan ke suatu tarikh yang bersesuaian oleh urus setia perolehan atau ketua jabatan.</p> <p>Agensi hendaklah mengemaskini maklumat tarikh tutup/ tempoh iklan baharu melalui sistem yang berkaitan (eP/MyGPIS) dan laman sesawang Kementerian masing-masing, jika perlu.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
Proses Perolehan Melibatkan Kehadiran Ramai (Undian, Lawatan Tapak dan lain-lain)		
21.	Adakah proses perolehan seperti pelantikan secara undian, lawatan tapak boleh dilaksanakan dalam tempoh PKP.	<p>PP/PK2.2 telah memberi kebenaran pelaksanaan perolehan bagi perolehan/projek Kerajaan tahun 2020 dilaksanakan <u>dalam tempoh dan selepas tempoh PKP</u> tertakluk kepada syarat berikut:</p> <p>(a) Agensi Kerajaan hendaklah <u>tidak mewajibkan</u> kehadiran syarikat bagi tujuan taklimat atau lawatan tapak bagi sebut harga/tender;</p> <p>(b) Bagi memastikan maklumat berkaitan spesifikasi/terma rujukan/ brif projek berkenaan adalah jelas, Agensi Pelaksana hendaklah menyediakan maklumat terperinci untuk membantu syarikat yang menyertai sebut harga/tender memahami kehendak Agensi Pelaksana; dan</p> <p>(c) Selain itu, Agensi boleh memberi satu tempoh yang munasabah bagi syarikat melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga/tender berkenaan. Lawatan tapak ini dapat membantu syarikat mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga/tender. Dalam hal ini, sekiranya syarikat mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan, penggunaan hand sanitizer dan pemakaian face mask adalah perlu diteruskan.</p>
22.	Adakah proses perolehan seperti pelantikan secara undian, lawatan tapak boleh dilaksanakan selepas PKP.	Jawapan seperti di soalan no. 21.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
Pelaksanaan Perolehan Di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat		
23.	Bagaimana kaedah pelaksanaan bagi membayar gaji pekerja yang ditanggung kontraktor bagi perkhidmatan pembersihan dan bekalan makanan bermasak di sekolah, IPTA, institusi latihan awam serta agensi Kerajaan termasuk badan berkanun serta pelanjutan kontrak sebulan seperti yang telah diumumkan oleh YAB PM di dalam pembentangan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)	Kementerian Kewangan Malaysia telah mengedarkan surat no. rujukan: MOF.100-19/1/1 JLD14 (100) bertarikh 31 Mac 2020 bagi menjelaskan mekanisme pelaksanaan Pakej tersebut. Rujukan adalah seperti di Lampiran A .
24.	Apakah tindakan agensi bagi mengambil kira pelanjutan kontrak sebulan bagi kontrak bekalan/perkhidmatan yang telah dinyatakan di bawah PRIHATIN?	<p>Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebut Harga yang bersidang perlu mengambil kira kontrak-kontrak sedia ada (seperti yang dinyatakan di bawah PRIHATIN) yang tempohnya layak dilanjutkan sebulan bagi mengelakkan pertindihan kontrak baharu yang akan diberikan.</p> <p>Tarikh permulaan kontrak baharu hendaklah selepas daripada tarikh lanjutan kontrak sebulan yang berkaitan.</p>
25.	Kerajaan bersetuju untuk membayar gaji pekerja yang ditanggung oleh kontraktor walaupun pekerja tidak hadir bekerja sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Adakah manfaat ini terpakai ke atas kontrak perkhidmatan pembersihan dan bekalan bermasak sahaja?	Manfaat ini terpakai ke atas kontrak perkhidmatan pembersihan dan bekalan bermasak serta turut dipanjangkan kepada semua kontrak perkhidmatan bukan perunding Kerajaan (tidak termasuk kontrak perunding dan kerja) yang memerlukan kehadiran pekerja sepertimana dalam kontrak perjanjian. Namun, pekerja syarikat yang berkontrak tersebut tidak dapat hadir bertugas semasa tempoh PKP ini.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
26.	Berapa lamakah tempoh tanggungan Kerajaan ke atas bayaran gaji pekerja untuk kontrak perkhidmatan tersebut?	Kerajaan akan membuat bayaran kepada kontraktor/syarikat berdasarkan tuntutan mengikut kontrak. Tanggungan bayaran gaji pekerja untuk kontrak perkhidmatan ini adalah bagi sepanjang tempoh PKP dilaksanakan sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan.
27.	Adakah Kerajaan akan menanggung bayaran penuh kepada kontraktor/ syarikat berdasarkan kontrak perkhidmatan tersebut?	<p>Kerajaan akan menanggung bayaran gaji/upah pekerja dan gaji pengurusan syarikat sahaja, sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam kontrak perkhidmatan. Sekiranya bayaran gaji/upah pekerja tidak dinyatakan secara khusus di dalam kontrak, Agensi hendaklah berunding dengan syarikat dan melakukan semakan ke atas tuntutan tersebut.</p> <p>Kerajaan akan menanggung bayaran gaji dan caruman majikan bagi KWSP serta PERKESO. Kaedah semakan ke atas tuntutan gaji oleh kontraktor/syarikat adalah melalui semakan ke atas penyata KWSP dan PERKESO sebagai bukti.</p>
28.	Sejak PKP dikuatkuasakan, agensi telah membuat pengurangan bilangan pekerja yang perlu hadir bekerja. Adakah sebahagian pekerja yang tidak hadir tersebut layak menerima bayaran gaji?	Ya. Kerajaan akan menanggung bayaran gaji/upah pekerja sebagaimana kontrak perjanjian.
29.	Adakah tanggungan ini termasuk cukai perkhidmatan?	Ya. Kerajaan akan turut menanggung kos cukai perkhidmatan yang terlibat dalam tempoh ini mengikut kontrak perjanjian berdasarkan keperluan statut.
30.	Kerajaan juga telah bersetuju untuk memanjangkan tempoh kontrak perkhidmatan berkenaan selama sebulan. Adakah pelanjutan tempoh kontrak ini terhad sehingga sebulan sahaja?	Pelanjutan tempoh sebulan yang telah diberikan adalah berdasarkan ketetapan tempoh PKP semasa. Sekiranya tempoh PKP dilanjutkan, kontrak tersebut juga akan diberi tempoh pelanjutan yang sama.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
31.	Siapakah pihak berkuasa melulus (PBM) bagi pelanjutan kontrak perkhidmatan selama sebulan tersebut?	PBM bagi kelulusan pelanjutan kontrak selama sebulan hendaklah melalui Pegawai Pengawal. Agensi hendaklah menyusul dengan kontrak tambahan (supplementary agreement) yang akan ditandatangani oleh pegawai yang diturunkan kuasa mengikut Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120].
Pihak Berkuasa Melulus (PBM) dan Jawatankuasa Perolehan Semasa Tempoh PKP		
32.	Adakah mesyuarat Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebutharga (JKSH) boleh bersidang dalam tempoh PKP?	Ya. Sila rujuk PP/PK2.2.
33.	Adakah mesyuarat lain yang perlu diadakan sepanjang proses perolehan boleh bersidang dalam tempoh PKP?	Ya. Sila rujuk PP/PK2.2.
PBM dan Jawatankuasa Perolehan Selepas Tempoh PKP		
34.	Adakah mesyuarat PBM dan Jawatankuasa Perolehan kembali kepada keadaan asal sepenuhnya selepas tempoh PKP?	<p>Ya, dari segi skop bidang kuasa namun pengendalian mesyuarat masih tertakluk kepada prosedur sepertimana semasa tempoh PKP seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Kekerapan mesyuarat LP dan JKSH hendaklah diminimumkan. (b) Kertas pertimbangan hendaklah lengkap, ringkas dan padat serta pembentangan dalam mesyuarat LP dan JKSH hendaklah diringkaskan sebaik mungkin bagi memastikan mesyuarat dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat. (c) Bilangan ahli mesyuarat yang hadir juga perlu diminimumkan dan hanya menetapkan keperluan kehadiran wakil yang mandatori sahaja dan benar-benar perlu bagi membantu dalam memutuskan perolehan. (d) Memaksimumkan penggunaan Sistem ePerolehan atau emel bagi mendapatkan akses kepada kertas pertimbangan sebut harga/tender bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>(e) Urus setia yang terlibat dalam menyediakan dokumen dan bertugas semasa mesyuarat LP dan JKSH hendaklah diminimumkan.</p> <p>(f) Wakil agensi tidak dibenarkan untuk bersiap sedia di luar bilik mesyuarat secara beramai-ramai. Oleh itu, urus setia hendaklah mengenal pasti hanya seorang sahaja wakil pembentang kertas pertimbangan untuk bersiap sedia jika benar-benar terdapat keperluan. Sekiranya tiada keperluan, wakil pembentang tidak perlu hadir.</p> <p>(g) Urus setia mesyuarat hendaklah memastikan semua pengerusi, ahli, pembentang termasuk urus setia adalah bebas daripada demam, batuk dan selesema sebelum memulakan mesyuarat. Pengimbasan suhu badan juga hendaklah dibuat ke atas semua pegawai yang akan memasuki mesyuarat LP dan JKSH dan memastikan ia berada di bawah paras suhu badan yang normal.</p> <p>(h) Urus setia mesyuarat hendaklah memastikan <i>hand sanitizer</i> disediakan di dalam bilik mesyuarat LP dan JKSH.</p> <p>(i) Urus setia mesyuarat hendaklah memastikan kedudukan pengerusi, ahli dan urus setia di dalam mesyuarat diamalkan jarak yang selamat (sekurang-kurangnya diselang satu kerusi). Oleh itu, pemilihan bilik mesyuarat yang sempit dan kecil hendaklah dielakkan.</p> <p>(j) Mengamalkan langkah pencegahan sebelum/semasa mesyuarat seperti mengelakkan bersalam, aktiviti perbualan yang terlalu dekat dan pemakaian topeng muka, jika perlu.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
35.	Bolehkah mesyuarat Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Penilaian bersidang secara maya melalui <i>Video Conference</i> , iaitu sebagai contoh melalui Skype for Business di bawah infra MAMPU?	Tidak boleh. Mesyuarat Lembaga Perolehan dan mesyuarat Jawatankuasa Penilaian tidak boleh bersidang secara maya melalui mana-mana aplikasi <i>Video Conference</i> . Ini adalah kerana pertimbangan/penilaian adalah melibatkan maklumat terperingkat dan hendaklah dibuat dalam persekitaran yang tertutup dan tidak terdedah dengan risiko yang dibuat secara maya. Ketetapan ini juga turut terpakai semasa dalam tempoh PKP.
36.	Bolehkan tender/sebut harga diiklankan /dipelawa dalam tempoh PKP?	Sila rujuk PP/PK2.2.
37.	Bolehkah kontrak perolehan Bekalan dan Perkhidmatan yang bernilai sehingga RM200 ribu diberi pelanjutan tempoh kontrak sementara perolehan sebut harga dilaksanakan yang bertujuan untuk mengelakan perbekalan barangan terputus.	Boleh. Walau bagaimanapun ia hanya dibenarkan bagi kontrak perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding yang terjejas dengan PKP sahaja tertakluk tidak melibatkan tambahan kuantiti.
38.	Bolehkah kontrak perolehan Bekalan dan Perkhidmatan melebihi RM200 ribu diberi pelanjutan tempoh kontrak lebih dari sekali? Adakah ia juga dibenarkan untuk kontrak bekalan dan perkhidmatan bernilai bawah daripada RM200 ribu?	Boleh. Walau bagaimanapun ia hanya dibenarkan bagi kontrak perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding yang terjejas dengan PKP sahaja tertakluk tidak melibatkan tambahan kuantiti.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
39.	<p>Adakah agensi boleh menggantikan prosedur lawatan tapak dan taklimat sebut harga kepada penerangan skop kerja melalui rakaman video mengikut pelaksanaan berikut:</p> <p>(a) Rakaman video dipaparkan di laman sesawang rasmi Agensi Pelaksana untuk diakses oleh semua kontraktor yang berminat sepanjang tempoh sebut harga;</p> <p>(b) Agensi Pelaksana akan menugaskan beberapa pegawai untuk menjawab sebarang pertanyaan dari kontraktor sepanjang tempoh sebut harga;</p> <p>(c) Kontraktor juga mempunyai peluang untuk membuat lawatan sendiri ke projek-projek yang berkaitan mengikut kesesuaian masa mereka; dan</p> <p>(d) Kerja-kkerja tersebut tidak melibatkan skop kerja teknikal atau struktur kerana kerja-kkerja tersebut hanya melibatkan bahagian luar sahaja.</p>	<p>Boleh. Agensi dibenarkan untuk membuat rakaman video bagi menggantikan procedure lawatan tapak/ taklimat sebut harga/ tender.</p>